

21 MAY 1999

Pengangkutan

DCA MUNGKIN BELANJA 20 PERATUS SAHAJA DARIPADA RM350 JUTA

NILAI, 21 Mei (Bernama) -- Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menjangka hanya dapat membelanjakan kira-kira 20 peratus daripada peruntukan tahunan sebanyak RM350 juta sehingga Jun/Julai ini, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Othman Mohd Rijal hari ini.

Angka itu jauh lebih rendah daripada sasaran jabatan itu kerana kontraktor yang dipertanggungjawab melaksanakan satu projek dengan peruntukan RM181 juta daripada RM350 juta itu gagal meneruskannya mengikut jadual.

"Kontraktor ini harus memberi kata putus kepada kita mengenai perancangannya agar projek dapat diteruskan mengikut jadual dan jika tidak, kita akan mencadangkan sesuatu kepada Perbendaharaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kementerian itu di Bandar Baru Nilai di sini.

"Kita mahu memastikan perbelanjaan terhadap peruntukan yang disediakan mencapai 50 peratus pada bulan Jun sebagaimana arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua Kementerian baru-baru ini, bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan nama kontraktor berkenaan dan projek terbabit.

Sementara itu Othman berkata, Jabatan Maritim pula dijangka dapat membelanjakan 54 peratus daripada peruntukannya menjelang Jun/Julai ini manakala Keretapi Tanah Melayu Bhd dan Jabatan Pengangkutan Jalan masing-masing dijangka dapat membelanjakan sehingga 50 peratus daripada peruntukannya.

Beliau juga berkata, Kementerian Pengangkutan telah mengenal pasti tujuh strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat itu, termasuk melalui pendekatan menyeluruh dalam pelaksanaan projek dengan semua peringkat pegawai diarah untuk terlibat dalam pelbagai proses pelaksanaan projek.

Beliau berkata kaedah teknologi maklumat juga akan digunakan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan yang akan dapat menentukan aliran dan tahap penggunaan peruntukan kewangan berdasarkan kemajuan projek.

-- BERNAMA

AZ PR